



AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI

DI-TERBITKAN PADA TIAP² HARI RABU

TAHUN 11 BILANGAN 16 RABU 20 APRIL, 1966 1385 رابو 30 ذوالحججه PERCHUMA

Y.B. PENGIRAN HAJI YUSOF MERASMIKAN PEMBUKAAN BALAI RAYA AMO

AMO. — Penulong Menteri Kebajikan Masharakat dan Pos, Yang Berhormat Pengiran Haji Yusof bin Pengiran Mohammed Limbang, telah menyeru penduduk2 kawasan Amo supaya menggunakan Balai Raya untuk berkumpul dan bermuafakat bagi tujuan2 yang berfaedah.

Pengiran Haji Yusof membuat seruan ini apabila beliau merasmikan pembukaan Balai Raya Amo pada pagi hari Sabtu 16 April, 1966.

Dalam ucapan-nya, Pengiran Haji Yusof juga menyatakan bahawa suatu bangsa itu boleh di-kenal dari segi adat dan kebudayaan-nya.

Beliau menerangkan antara lain bahawa adat dan kebudayaan itu ia-lah satu tali yang kukuh mempersatukan sa-suatu

bangsa.

Salah satu adat yang di-sandang oleh sa-suatu bangsa itu ia-lah bergaul, bertukar fikiran antara satu sama lain, bermuafakat dan bermashuarat.


Dengan ada-nya kebiasaan ini serta perasaan chintakan perpaduan bangsa, tegas Pengiran Haji Yusof, maka Kerajaan Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan telah pun mengadakan peruntukan wang bagi pembangunan Balai2 Raya di-seluruh Tanah Ayer, saperti

yang telah di-dirikan di-Amo.

Pengiran Haji Yusof telah menerangkan bahawa Balai2 Raya ini di-adakan ia-lah semata2 untuk kepentingan penduduk negara.

Turut juga memberikan ucapan di-majlis itu ia-lah Pegawai Daerah Temburong, Pengiran Syed Shahminan bin Pengiran Haji Syed Mashore; Pegawai Kebajikan Masharakat Negara, Awang Salleh Haji Masri; Orang Kaya-Kaya Gimang dan Awang Langkah anak Rantap.


Dalam ucapan Pengiran Syed Shahminan, beliau telah menguchap-
(Lihat Muka 5)



MENINGGAL DUNIA DI-MEKAH

BANDAR BRUNEI.— Dengan sedeh-nya di-beritakan bahawa Hajjah Lamah binte Jujoh, berusia 65 tahun, dari Kampung Lumapas, Brunei telah meninggal dunia di-Mekah ia-itu sa-lepas menunaikan fardhu Haji, pada 6 April, 1966. Demikian menurut satu berita rasmi dari Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei.

Penulong Menteri Kebajikan dan Pos, Yang Berhormat Pengiran Haji Yusof bin Pengiran Mohamed Limbang kelihatan merasmikan pembukaan Balai Raya Amo, Temburong pada pagi hari Sabtu 16 April, 1966.



Penulong Menteri Pertanian, Yang Berhormat Pengiran Damit bin Pengiran Sunggoh kelihatan meras-

mikan pembukaan Klinik Haiwan pada hari Khamis 14 April, 1966.

Y. B. Pengiran Damit Merasmikan Pembukaan Klinik Haiwan

BANDAR BRUNEI — Penulong Menteri Pertanian, Yang Berhormat Pengiran Damit bin Pengiran Sunggoh telah membuka dengan rasmi-nya Klinik Haiwan, Jabatan Pertanian Negeri Brunei pada pagi hari Khamis 14 April, 1966.

Klinik tersebut, letak-nya berdekatan dengan simpang masuk ka-Jalan Lapangan Terbang Brunei telah di-bena dengan perbelanjaan kira2

\$100,000. Luas kawasan Klinik Haiwan itu ia-lah 4 $\frac{1}{2}$ ekar.

Klinik Haiwan itu ada-lah di-bawah jagaan Awang Abdul Hamid bin Ja'afar, Pemangku Pen. Pegawai Haiwan, Brunei.

Yang Berhormat Pengiran Damit bin Pengiran Sunggoh telah melafadzkan satu ucapan yang berharga sa-belum beliau merasmikan pembukaan Klinik Haiwan itu.

Dalam ucapan beliau, Yang

Berhormat Pengiran Damit telah menyeru kepada orang ramai supaya menggunakan klinik tersebut untuk mengubati binatang2 yang di-pelihara dan binatang2 ternakan.

Beliau menegaskan bahawa klinik itu ada-lah ranchangan Jabatan Pertanian Negeri Brunei dalam usaha untuk menolong petani2 memperbaiki lagi binatang2 ternakan mereka dan mengurangkan kematian di-antara binatang2 pemeliharaan yang sakit.

(Lihat Muka 8)

PEMBUKAAN RASMI SEKOLAH UGAMA BAKIAU

KAMPONG BAKIAU. — Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama Negeri Brunei, Yang Amat Mulia Pengiran Muda Dato Paduka Kemaluddin telah mengucapkan tahniah terhadap kejayaan penduduk2 Kampong Bakiau yang telah dapat melaksanakan Pembukaan Sekolah Ugama di-kampung tersebut.

Yang Amat Mulia Pengiran Muda Dato Paduka Kemaluddin berkata sa-demikian sa-belum beliau merasmikan pembukaan Sekolah Ugama Kampong Bakiau di-Lamunin, Daerah Tutong pada petang hari Juma'at 15 April, 1966.

Beliau juga telah mengucapkan terima kasih atas ingatan ikhlas penduduk2 Kampong Bakiau yang telah sudi menjemput beliau untuk merasmikan pembukaan Sekolah Ugama tersebut.

Dalam ucapan Yang Amat Mulia Pengiran Muda Dato Paduka Kemaluddin di-majlis tersebut, beliau berkata, "Sungguh-sungguh saya sangat suka-chita atas perkembangan Sekolah2 Ugama di-negeri ini, yang mana dengan terlaksana-nya pembukaan Sekolah Ugama di-Kampung ini pada hari ini, ada-lah dengan jelas-

nya menunjukkan bahawa perkembangan Sekolah2 Ugama di-negeri ini telah bertambah maju sa-langkah lagi.

Sungguh pun Kampong Bakiau ini ada-lah satu Kampung yang terpenchil dari Bandar, tetapi dengan berkat ada-nya kerjasama dan sambutan ra'ayat, maka Sekolah Ugama ini dapat juga dilaksanakan.

Saya ingin berchakap dari hati ka-hati bahawa Kerajaan Duli Yang Maha Mulia sentiasa berusaha dan ingin melihat ra'ayat-nya di-seluruh negeri ini mempunyai taraf hidup yang tinggi dan hidup dalam kebahagiaan. Saya perchaya tanda2 azam Kerajaan untuk memperkembangkan negeri ini telah pun dapat kita ne'mati bersama di-seluruh negara kita (Lihat Muka 3)



Majlis Cheramah Guru2 Ugama

BANDAR BRUNEI. — Satu Majlis Cheramah anjoran Guru2 Ugama Kelas Guru (Kelas Sabtu) Daerah Brunei dan Muara akan di-adakan pada jam 8 pagi hari Ahad 24 April, 1966 bertempat di-Bangunan Madrasah, berhadapan Masjid Omar Ali Saifuddin, Bandar Brunei.

Setia Usaha Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei, Awang Haji Mohamed Zain bin Haji


Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama, Brunei, Yang Amat Mulia Pengiran Muda Dato Paduka Kemaluddin kelihatan dalam gambar ini merasmikan pembukaan Sekolah Ugama Kampong Bakiau di-Lamunin, Daerah Tutong pada petang hari Juma'at 15 April, 1966.

Serudin di-jangka akan memberikan cheramah di-majlis tersebut dalam Bahagian Tata-tertib Guru2.

PENDIDEKAN

Nadzir Sekolah2 Negara, Awang Suni bin Idris pula akan memberikan cheramah dalam Bahagian Pendidekan di-majlis cheramah itu.

TUNJOKKAN-LAH
TA'AT SETIA
KAPADA NEGARA
DENGAN
MENGGUNAKAN
BAHASA MELAYU
DALAM
SEMUA LAPANGAN
PEKERJAAN
SA-TIAP MASA



Waktu2 Sembahyang, Imsak dan Matahari Terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah2 Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai hari Rabu 20 April hingga ka-hari Selasa 26 April, 1966 ada-lah saperti di-bawah ini: —

Hari	Bulan	Dzohor	Asar	Maghrib	Isha	Imsak	Suboh	Matahari Terbit
20	12-26	3-41	6-31	7-43	4-44	4-58	6-12	
21	12-25	3-40	6-31	7-43	4-42	4-56	6-10	
22	12-25	3-40	6-31	7-43	4-42	4-56	6-10	
23	12-25	3-40	6-31	7-43	4-42	4-56	6-10	
24	12-25	3-40	6-31	7-43	4-42	4-56	6-10	
25	12-25	3-40	6-31	7-43	4-42	4-56	6-10	
26	12-24	3-39	6-31	7-43	4-41	4-55	6-09	
27	12-24	3-39	6-31	7-43	4-41	4-55	6-09	

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12-45 tengah hari.

MAJLIS PERBINCHANGAN ANJORNAN BADAN PERKEMBANGAN BAHASA DAN BUDAYA

BANDAR BRUNEI — Badan Perkembangan Bahasa dan Budaya, Brunei akan mengadakan satu Majlis Perbinchangan di-Dewan Kemasyarakatan, Bandar Brunei pada jam 8-30 pagi hari Juma'at, 22 April, 1966.

Tajok perbinchangan tersebut ia-lah "Bahasa Daerah Dalam Kesusastraan". Pencheramah-nya ia-lah Awang Leman bin Ahmad.

Ahli2 Badan Perkembangan

Satu majlis untuk menyampaikan hadiah2 kepada penulis2 yang berjaya dalam peraduan Mengarang Cherpen Untuk Bachaan Kanak2 telah di-adakan di-Dewan Kemasyarakatan, Bandar Brunei pada pagi hari Juma'at 8 April, 1966. Hadiah2 kepada pemenang2 dalam peraduan tersebut telah di-sampaikan oleh Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei, Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Mohamed Jamil. Keputusan-nya telah di-siarkan dalam akhbar ini pada 13 April, 1966. Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei, Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Jamil kelihatan dalam gambar ini bersama2 dengan lima orang daripada tujuh orang pemenang2 peraduan tersebut selepas di-adakan majlis menyampaikan hadiah2 Peraduan Mengarang Cherpen itu.

Bahasa dan Budaya, Brunei dan peminat2 Bahasa dan Budaya ada-lah di-jemput hadir di-majlis tersebut.

Majlis Sambutan Awal Muharam

BANDAR BRUNEI — Badan Penerangan Ugama Islam, Jabatan Hal Ehwal Ugama Brunei akan mengadakan "Sambutan Tahun Baru Islam 1386" (Awal Muharam) di-Dewan Madrasah Bandar Brunei pada hari Khamis malam Juma'at 21 April, 1966 jam 7-00 malam. Orang ramai khasnya kaum muslimin dan muslimat adalah di-persilakan hadir pada malam tersebut.

Sambutan Tahun Baru Islam serupa ini ada-lah bagi kali yang ketiga-nya di-anjarkan oleh Badan Penerangan Ugama Islam Negeri Brunei.

Dalam majlis sambutan yang akan di-adakan ini, berbagai2 acara akan di-persembahkan, antara lain ia-lah Peraduan Membaca Sajak yang berunsor2 ke-ugamaan terbuka kepada Pertubuhan2 Belia dan



Guru2 Ugama di-Kelas Guru Daerah Brunei dan Muara (Kelas Sabtu) telah mengadakan satu majlis 'Cheramah di-bangunan Madrasah, Bandar Brunei pada pagi hari Ahad 3 April, 1966. Majlis Cheramah tersebut telah di-buka dengan rasmi-nya oleh Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama, Brunei, Yang Amat Mulia Pengiran Muda Dato Paduka Kemaluddin. Gambar ini di-ambil sa-lepas di-adakan majlis tersebut.

Badan2 Persekolahan di-Daerah Brunei/Muara. Di-samping itu juga majlis akan di-sulami dengan Sharahan Khas yang akan di-sampaikan oleh Dayang Maimonah binte Haji Hassan; bacaan ayat2 Suchi AlQura'an oleh Dayang Hindut binte Lamat dan tidak ketinggalan persembahan2 Nashid dari Murid2 Sekolah Ugama

Muhammad Alam, Seria di-bawah pimpinan Ustadz Abdul Kadir Awang.

DRAMA PURBAWARA

Pada malam tersebut juga akan di-persembahkan sa-buah Drama Purbawara yang berjudul "Titisan Darah Terakhir" hasil susunan Awang Abdul Saman Kahr dan di-arahkan

oleh beliau sendiri.

"Titisan Darah Terakhir" akan membentangkan peristiwa penentangan sengit antara Dato' Penglima dengan Kelana (anak-nya). Dato' Penglima berpegang tegoh kepada Ugama yang di-warisi dari nenek moyang-nya dan mengangap bahawa Ugama Islam Ugama yang menyekat perkembangan tamaddun manusia.

Chemohan dan tanggapan Dato' Penglima ini telah di-tentang sa-hebat2-nya oleh Kelana — anak-nya sendiri, yang telah menyedari bahawa hanya Ugama Islam-lah yang dapat mengeluarkan manusia dari kejahilan dan kebusaan serta dapat memulopori tamaddun manusia di-dunia.

Walau-pun Kelana di-ancham dengan keris, anak-nya itu tetap berpegang tegoh mempertahankan keperchayaan-nya terhadap Islam.

Drama ini tidak akan berakhir setakat itu saja, sa-tiap trajidi yang berlaku tetap dan pasti berakhir, sama ada sedih atau gembira.....

Oleh yang demikian untuk mengetahui kesah selanjut-nya datanglah beramai2 ka-Dewan Madrasah Bandar Brunei pada hari Khamis malam Juma'at 21-4-1966 jam 7-00 malam, untuk mengetahui bagaimana Drama Purbawara "Titisan Darah Terakhir" menamatkan kesah-nya, di-samping kita bersama2 menyambut kedatangan Tahun Baru Islam 1386 ini.

Pembukaan Rasmi Sekolah Ugama Bakiau

(Dari Muka 2)

ini, antara lain ia-lah perkembangan pelajaran termasuk pelajaran2 Ugama, perkembangan perubatan, jalan2 raya, pembangunan luar bandar, pertanian dan bangunan2 Mesjid.

Selain daripada itu saya selaku Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama Brunei sangat mengharapkan kerjasama dan sambutan ra'ayat yang sa-penoh-nya atas ranchangan2 dan urusan2 Jabatan Ugama, lebeh2 lagi dalam usaha Jabatan saya dalam pelajaran Sekolah2 Ugama dan Pelajaran Ugama Dewasa.

Perlu saya terangkan, Jabatan saya sekarang telah merancang untuk membangunkan Sekolah2 Menengah. Saya mengharapkan agar kanak2 di-sini sama ada lelaki atau perempuan akan di-galakkan oleh ibu-bapa mereka bagi memasuki Sekolah2 Menengah ini. Tuan2 dan Puan2 tentu ingin tahu betapa peri mustahak-nya Jabatan Ugama di-perkembangkan di-seluruh negara. Sa-hingga hari ini Jabatan Ugama telah dapat melahirkan lebeh dari 100 orang anak2 tempatan berpeluang menjadi Guru2 Ugama. Di-samping itu banyak pula anak2 Brunei berpeluang mendapat biasiswa melanjutkan pelajaran Ugama ka-luar negeri, seperti ka-Kolej Islam di-Kelang, Singapura, Johore, Perak dan ka-Cairo, Mesir.

Dalam perkembangan Badan Penerangan pula sa-telah saya melihat sambutan orang ramai di-seluruh negara sangat2 menggalakkan atas rombongan2 Nashid dan Sharahan2 Ugama maka saya telah mengarahkan bahagian perkembangan Ugama di-tambah dengan mengadakan Tayangan2 Wayang Gambar di-ikuti dengan sharahan2 yang di-sesuai-

kan dengan Kampong itu.

Pada akhir-nya saya ingin menyampaikan tahniah saya atas kejayaan penduduk2 Kampong di-sini yang dapat melaksanakan pembangunan Sekolah Ugama ini yang mana Sekolah ini di-perchayai akan dapat memimpin anak2 mereka ka-arrah kebaikan dunia dan akhirat kelak. Saya juga memberikan tahniah dan penghargaan kepada Pegawai2 Pelajaran dalam Jabatan Hal Ehwal Ugama Brunei atas usaha yang ber-sungguh2 menolong bagi menjayakan pembangunan-nya, dan dengan membaca; BISMILLAH HIRRAMAN NIRRAHIM, saya merasmikan pembukaan Sekolah Ugama Kampong Bakiau, Tutong ini.

Pegawai Daerah Tutong, Pengiran Osman bin Pengiran Anak Mohammad Salleh dalam ucapan beliau di-majlis itu mengharapkan supaya sekolah ugama itu akan terus menerus berjalan dengan lancar menuju ka-arrah kemajuan. Kapada Guru2-nya, Pengiran Osman berharap supaya mereka

akan sentiasa dengan rela hati menyebarkan pengajaran Ugama Islam bukan hanya kepada murid2 bahkan juga kepada penduduk2 kampong dengan menerusi kelas2 dewasa.

Menyebut mengenai lapangan pelajaran, Pengiran Osman menegaskan bahawa Kerajaan ada-lah sentiasa membuka pintu kepada anak negeri sa-hingga mencapai ka-mana2 peringkat jua dengan kebolehan yang ada pada mereka.

Ucapan2 juga telah di-sampaikan di-majlis itu oleh Penyusun Pengelola Sekolah2 Ugama Negeri Brunei, Awang Haji Abdul Kadir dan Pemereksa Sekolah2 Ugama Daerah Tutong, Awang Abdul Hamid bin Md. Daud.

Jadual Lawatan Rombongan Perubatan Ka-Kawasan2 Pendalaman

BANDAR BRUNEI — Jadual lawatan rombongan perubatan dari Rumah Sakit Besar, Bandar Brunei ka-beberapa tempat di-Negeri Brunei dengan menggunakan helikopter ada-lah seperti berikut:—

Sukang — hari Ithnin 25 April.
Belabau — hari Rabu 27 April.
Tanjong Maya — hari Sabtu 30

April.

Pada masa lawatan tersebut rombongan perubatan itu akan mengubati ibu2 yang mengandung, kanak2 serta orang2 yang sakit dan sebagai-nya.

Chegu Awang Hashim bin Haji Tahir, kelihatan dalam gambar ini semasa beliau merasmikan pembukaan Persatuan Ikatan Kampong Lorong Sekuna (IKLS) Kampong Ayer, Brunei baru2 ini dengan sifat beliau sebagai Penasehat Persatuan IKLS.



PERSIDANGAN E.C.A.F.E. DI-NEW DELHI:**PERKARA² MENGENAI EKONOMI DAN PEMBANGUNAN KEMAJUAN NEGARA****Di-Bahathkan Dengan Hebat-nya**

LAPANGAN TERBANG BERAKAS. — Kemajuan Rancangan² Negara ada-lah juga tergantung kepada terdapat-nya kaki-tangan² yang terlatih serta berke-lulusan dan juga ada-lah menjadi satu harapan kepada Negeri Brunei supaya pihak Jabatan Surohanjaya Ekonomi bagi Asia dan Timor Jauh (E.C.A.F.E.) itu akan menerbitkan pada sa-tiap masa buku penerangan yang menunjukkan pusat² latehan dan syarat² serta chara² memasoki pusat latehan itu dalam segala bidang. Demikian kata sa-orang Juruchakap Perwak-ilan Kerajaan Brunei ka-Persidangan E.C.A.F.E. yang telah di-langsungkan di-New Delhi, India selama dua minggu baru² ini.

Beliau berkata sa-demi-kian sa-lepas rombongan Perwakilan Kerajaan Bru-nei balek ka-Brunei de-ngan kapal terbang sa-lepas menghadiri persi-dangan tersebut.

Kerajaan Brunei telah di-wakili di-persidangan tersebut oleh:

Yang Mulia Awang Othman Chua Kwang Soon, Pengawal Kastam dan Bea, Negeri Brunei, sebagai Ketua Rom-bongan.

Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Umar dari Jabatan Setia Usaha Kerajaan Brunei, sebagai Setia Usaha dan Timbalan Ketua Rom-bongan.

Yang Mulia Awang Abdul Hamid bin Ja'afar dari Jabatan Pertanian Negara, Brunei dan

Yang Mulia Doktor J. S. Gould, Penasehat Ekonomi kepada Kerajaan Brunei.

Persidangan ini telah di-buka dengan rasmi-nya oleh Yang Amat Berhormat Puan Indra Gandhi, Perdana Menteri India. Selain daripada mengalu²kan

kedatangan ahli² perwakilan² ka-Persidangan itu, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri itu telah menegaskan kerumitan masa'alah² kekurangan dzat² makanan, perumahan, buta huruf dan bilangan penduduk² yang meletus di-negara² Asia. Kedudukan yang saperti ini ada-lah terdapat di-kalangan beberapa buah negeri² di-Asia, dan telah menyebabkan kemis-kinin di-negeri² itu.

KEMA'AMORAN DAN KESELAMATAN NEGARA

Kema'amoran dan keselaman negara² di-wilayah Surohanjaya Ekonomi ini ada-lah bergantung kepada tekad ke-

Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin P.U.K. Awang Haji Umar dari Brunei kelihatan dalam gambar ini berjabat tangan dengan President Radhakrishnan dari Republik India semasa beliau dan tiga orang lagi perwakilan dari Brunei menghadiri Persidangan E.C.A.F.E. di-New Delhi, India baru² ini. Perkenalan dari kiri: Doktor J. S. Gould, Awang Abdul Hamid bin Ja'afar, Y.B. Awang Abdul Aziz dan Awang Othman Chua Kwang Soon (semua-nya dari Brunei). Berdiri di-antara Awang Kwang Soon dan President Radhakrishnan ia-lah juruiring kepada President Republik India itu.

jayaan yang terchapai bagi menghapuskan kemiskinan dan kejahilan itu.

Beberapa perkara mengenai ekonomi dan pembangunan kemajuan negara termasuk masa'alah² yang berthabit dengan hal² ini telah di-bentangkan dan di-pertahankan dengan panjang lebar-nya.

Di-antara perkara² yang penting termasuk-lah hal² yang mengenai dengan masa'alah kekurangan kaki-tangan² yang berkelulusan dan terlatih yang menyebabkan kemajuan ranchangan² negara.

Telah di-akui bahawa betapa perlu-nya sa-buah negara itu membuat perkiraan terhadap kebolehan² penduduk-nya dan juga jenis serta bilangan penduduk² yang berkebolehan yang di-kehendaki oleh negeri itu bagi faedah melaksanakan ranchangan² kemajuan negara; sama ada yang di-kelolakan oleh sektor yang berkanun mahu pun pribet.

Dengan ada-nya pengkajian yang saperti ini, baharu-lah dapat di-ator sa-suatu langkah yang berkesan untuk mengatasi-nya demi untuk kepen-

(Lihat Muka 5)





(Dari Muka 4)

tingan negara itu sendiri.

Perwakilan Brunei telah menegaskan betapa perlu-nya pengkajian yang sa-umpama itu, dan telah menyatakan bahawa kemajuan ranchangan2 negara-nya ada-lah juga tergantung kepada terdapat-nya kaki-tangan2 yang terlatih dan berkelulusan.

Ada-lah menjadi satu harapan kepada negara Brunei supaya pihak Jabatan Surohanjaya Ekonomi itu akan menerbitkan dari satu masa ka-satu masa, buku penerangan yang menunjukkan pusat2 latehan dan syarat2 serta chara2 memasuki pusat2 latehan itu dalam segala bidang.

Sa-bagai satu langkah bagi melengkapkan penduduk2-nya dengan kelulusan2 yang tertentu, perwakilan Brunei telah mengishtiharkan bahawa Kerajaan Brunei telah mengambil keputusan untuk mengadakan sekolah2 teknik dan pertanian.

Langkah2 pertama sedang pun di-jalankan dan di-harapkan sekolah teknik ini akan dapat di-mulakan dalam tahun 1968. Dalam pada itu, bantuan2 luar negeri yang berupa kaki-tangan2 yang berkelulusan ada-lah sangat di-harapkan.

BANK KEMAJUAN ASIA

Sa-lain dari itu, persidangan itu telah juga membincangkan *Penubohan Bank Kemajuan Asia yang baharu sahaja tertuboh di-Manila.

JALAN RAYA ASIA

*Jalanraya Asia yang menyambung beberapa buah negara Asia dengan jalanraya ia-itu dari Singapura dan

Vietnam hingga ka-Istanbul. PERNIAGAAN ANTARA BANGSA

*Kemudahan2 perniagaan antara bangsa di-dalam dan di-luar wilayah Surohanjaya Ekonomi ini.

PUSAT LATEHAN PEMBANGUNAN EKONOMI

*Projek Mekong, Pusat latehan Pembangunan Ekonomi yang di-anjorkan oleh Surohanjaya Ekonomi itu sendiri.

PERUSAHAAN PERTANIAN

*Usaha bersama dalam industri dan perusahaan pertanian dan lain2 hal yang berkaitan.

Pendek kata, Persidangan ini telah dapat memahami dengan lebih terang dan tegas tentang kemajuan2 dan kedu-

dokan2 negara2 ahli di-Wilayah Surohanjaya Ekonomi ini dan telah dapat pula bertukar2 pengalaman masing2 demi untuk kepentingan bersama.

Di-luar dewan persidangan, ahli2 perwakilan telah, antara lain-nya, di-jemput bertemu ramah dengan Yang Terutama President Republik India di-rumah kediaman beliau.

Sa-perti ahli2 Perwakilan lain, ahli2 Perwakilan Brunei telah di-perkenalkan kepada President India itu dan telah juga dapat beramah-tamah dengan beliau.

Dalam satu resepsi bersama anjoran negara2 Kommonwealth, Brunei telah ikut sama mengambil bahagian sebagai "tuan rumah". Semua wakil2 negara ahli dan badan2 antara bangsa telah hadir.

Perdana Menteri British Harold Wilson telah berjaya memenangi sa-mula Pilihan Raya di-Britain baru2 ini. Begitu juga Party Buroh yang beliau memimpin telah berhasil memenangi Pilihan Raya itu dengan mengalahkan Party Conservative dan lain2-nya. Dalam gambar ini kelihatan Perdana Menteri British Harold Wilson melambatkan tangan-nya kepada orang ramai pada masa beliau kembali ka-London sa-lepas beliau berjaya dalam Pilihan Raya itu.—Gambar dengan ehsan P.P.P. London.

Pemantasan

"Malam Terkutok"

Di-Maktab S.O.A.S.

BANDAR BRUNEI — Badan Seni Budaya Kebangsaan Gabungan Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin dan Sekolah Tinggi Perempuan Raja Isteri, akan mempersembahkan "MALAM PEMANTASAN" di-Dewan Maktab S.O.A.S. pada malam 22 dan 23 April, 1966 mulai jam 7-30 malam tiap2 malam tersebut.

Pada malam pertama, ada-lah di-khaskan kepada penuntut2 semua sekolah di-Brunei, dengan bayaran 50 sen sa-orang. Pada malam kedua pula, persembahan tersebut ia-lah untuk orang ramai dengan bayaran tiket \$1.50 dan \$1. Tiket2 yang "bernasib baik" akan di-berikan hadiah2 istimewa.

Berbagai2 acara akan di-adakan di-temasha tersebut. Di-antara-nya ia-lah persembahan Derama lima babak berjudul, "MALAM TERKUTOK", nyanyian oleh "Bintang2" tempatan, tarian2 dan lawak-jenaka.

Tiket2 boleh di-beli dari sekarang di-Maktab S.O.A.S., dari Dayang Rokiah Johari di-Pejabat Pelajaran, Brunei atau pun di-pintu Dewan Maktab S.O.A.S. pada malam2 tersebut.

Pembukaan Rasmi Balai Raya Amo

(Dari Muka 1)

kan tahniah kepada jawatan kuasa dan penduduk2 Mukim Amo atas kejayaan-nya bagi melaksanakan majlis yang meriah itu.

Pengiran Syed Shahminan menyatakan jalan2 raya yang akan di-bena itu ada-lah sama besar-nya dengan jalan2 raya di-daerah lain dan panjang-nya kurang lebih 50 batu di-jangka boleh menghubungkan semua kampung di-daerah itu. Beliau juga menyatakan bahawa pakar2 dan jurutera pembinaan jalan2 raya itu telah pun memulakan penyelidekan dan pemereksaan-nya.

Dengan ada-nya jalan2 raya itu, tegas beliau, maka senang-lah sahaja ranchangan2 lain di-jalan dan kemudahan2 bagi penduduk2 kampung untuk membawa dan mengeluarkan hasil2 kebun mereka

dengan memakai kereta.

Akhir-nya beliau berseru kepada penduduk2 di-mukim itu supaya memelihara dan menjaga atas keselamatan dan kebersihan balai raya itu seperti menjaga rumah mereka sendiri.

Awang Langkah anak Rantap dalam ucapan-nya yang ringkas telah mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan atas mengadakan Balai Raya di-kawasan itu.

Awang Langkah yang beruchap sa-bagai wakil di-Mukim itu, telah berikrar ta'at setia yang tidak berbelah bagi kepada Duli Yang Maha Mulia, dan sedia bekerjasama dengan kerajaan bagi menjaga keamanan dan keselamatan di-dalam negeri ini.

Pada sa-belah petang-nya upacara "bergawai" bagi orang2 Iban di-mukim itu telah di-adakan.

JAWATAN-JAWATAN KOSONG:

Di-Perkhidmatan Bomba Brunei

PERMOHONAN2 ada-lah di-jemput dari Pegawai2 yang berkhidmat dalam Jawatan Tetap Perkhidmatan Kerajaan Brunei yang menjadi ra'ayat Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan bagi jawatan Pelateh untuk jawatan Timbalan Pengawal Perkhidmatan2 Bomba, Brunei.

Umor pemohon2 hendaklah di-antara 25 dan 28 tahun.

Mereka mesti-lah lulus Peperiksaan Sijil Persekolahan Senior Cambridge atau sa-banding dengan-nya dalam Bahasa Inggeris dan juga mereka mesti-lah lulus Peperiksaan Darjah Lima Sekolah Melayu.

Pemohon2 juga mesti-lah mempunyai pengalaman lima tahun dalam hal ehwal pertadbiran Kerajaan.

Pemohon2 ada-lah di-kehendaki mempunyai tuboh badan yang sehat sebagaimana yang di-kehendaki untuk berkhidmat dalam Perkhidmatan2 Bomba.

Sa-orang chalon yang di-pileh, hendaklah lulus peperiksaan Darjah Latehan Pegawai yang akan di-adakan di-negeri ini dan juga ia ada-lah di-kehendaki berlateh di-luar negeri. Masa latehan itu ia-lah selama dua tahun.

Gaji: Pada masa latehan — Sukatan Pegawai Steshen P5 \$370x10 - 410. Sa-telah tamat latehan dengan jaya-nya dan di-naikkan ka-pangkat Timbalan Pengawal Perkhidmatan2 Bomba gaji itu ia-lah \$1020 sa-bulan dalam Sukatan Gaji \$1020x40 - 1260/EB/1300x40 - 1540 (Scale P9EB10).

Sa-orang chalon yang berjaya, semasa bertukar jawatan,

dan gaji-nya lebih daripada gaji Pegawai Steshen yang di-hadkan itu, akan terus mendapat gaji jawatan-nya yang lama dengan di-naikkan gaji pada tiap2 tahun sa-hingga ia di-lantek menjadi Timbalan Pengawal Perkhidmatan2 Bomba.

Pada masa latehan, sa-orang chalon yang di-pileh dan di-naikkan pangkat menjadi Timbalan Pengawal Perkhidmatan2 Bomba akan berada dalam latehan selama satu tahun sa-belum jawatan-nya itu di-sahkan. Masa ini akan di-kurangkan atau pun di-lanjutkan oleh Pengawal Perkhidmatan2 Bomba, terta'alok kepada persetujuan Surohanjaya Perkhidmatan Awam.

Sa-kira-nya chalon itu tidak lulus peperiksaan yang di-se-diakan itu atau pun ia tidak tamat latehan-nya yang di-kehendaki, atau pun ia tidak diberi sokongan untuk jawatan Timbalan Pengawal Perkhidmatan2 Bomba, maka ia akan di-tukarkan jawatan-nya balek ka-jawatan-nya yang lama itu, dengan terta'alok kepada persetujuan oleh Surohanjaya Perkhidmatan Awam.

Semua permohonan mesti-lah di-penohi dalam borang2 yang boleh di-dapati dari Pegawai Perjawatan, Brunei dan hendaklah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei dan sampai kepada-nya tidak lewat daripada 25 April, 1966, melalui Ketua2 Jabatan masing2 yang di-kehendaki menghantarkan laporan2 sulit mengenai permohonan2 itu serta juga Penyata Perkhidmatan-nya yang lengkap hingga katarikh ia membuat permohonan.

Juru Teknik Kanan Makmal

Permohonan2 ada-lah di-jemput untuk memenohi satu jawatan kosong sa-bagai Juru Teknik Kanan Makmal di-Jabatan Kerja Raya (Bahagian Ayer), Brunei.

Kelayakan2 dan Pengalaman:

Chalon2 mesti-lah mempunyai Sijil Pelajaran Umum (General Certificate of Education) atau kelayakan yang sa-banding dengan-nya dan telah menjalani latehan selama sekurang2-nya dua tahun dalam sa-buah badan latehan Penyelesaian atau Kimia dengan mendapat sijil kecekapan yang tertentu.

Chalon2 mesti-lah juga telah berkhidmat sebagai pembantu makmal selama tidak kurang dari lima tahun di-sabuh makmal menganalisa bahan2 kimia atau memegang jawatan yang serupa dengan-nya.

Tugas hari2 termasuklah kerja2 menganalisa pembekalan ayer minum, sechra "chemical" and "bacteriological" dan penyiasatan2 di-makmal ka-atas ayer yang belum di-tapis atau buboh ubat, yang berkaitan dengan kerja2 pengawalan pembersehan ayer

dengan menggunakan bahan kimia.

Gaji:

Dalam sukatan \$660x30 - 900. Gaji permulaan bergantung pada kelayakan2 dan pengalaman.

Sharat2 Lantekan:

Sechra berkontrek selama 3 tahun termasuk masa perchubaan selama 6 bulan yang pertama. Pembaharuan kontrek ia-lah dengan persetujuan bersama.

Baksis:

Baksis sebanyak 12½% daripada gaji akan di-bayar bagi tiap2 bulan genap berkhidmat. Baksis tidak akan di-bayar jika berhenti atau di-buang kerja.

Butir2 mengenai tambang, chuti, dan lain2 boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei.

Permohonan2 yang mesti di-penohkan di-dalam borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, hendaklah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat dari 1 Mei, 1966.

Pemandu Outboard Di-Pejabat Kastam

Permohonan2 ada-lah di-jemput dari ra'ayat D.Y.M.M. Sultan atau mereka yang berhak di-daftarkan sedemikian untuk memenohi satu jawatan kosong sebagai Pemandu Outboard Tingkat II di-Pejabat Kastam, Brunei.

Kelayakan2: Pemohon mesti-lah mempunyai pengalaman memandu motor sangkut selama 3 tahun dalam sebarang sungai di-daerah Brunei

dan Muara serta boleh memperbaiki kerosakan2 kecil jentera motor sangkut.

Gaji: Dalam sukatan gaji F2 EB3 \$180x5 - 195/EB/200x5 - 220.

Permohonan2 yang mesti di-penohi dalam borang2 yang boleh di-perolehi dari Pegawai Perjawatan, Brunei, mesti-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat dari 28 April, 1966.

Di-Pejabat Siaran Radio dan Penerangan

Permohonan2 ada-lah di-jemput untuk memenohi jawatan2 kosong yang berikut di-Pejabat Siaran Radio dan Penerangan, Brunei: —

(a) PENYELENGGARA SETOR

TINGKAT I:

Kelayakan2 dan Pengalaman: Pemohon2 mesti-lah mengetahui dengan mahir-nya alat2 pengganti bagi alat2 Pemanchar Radio dan kelengkapan studio termasuk alat2 perakaman dan penerimaan, dan mesti-lah pandai menetapkan alat2 pengganti tersebut.

Pemohon2 mesti-lah berpengalaman selama sekurang2-nya, lima tahun dalam kerja2 setor serta peratoran2-nya serta berkebolehan menjaga semua setor2 sechra terator dan berekonomi.

Pemohon2 mesti-lah juga mengetahui chara2 mengambil kiriman2 kelengkapan2 baharu

dari sharikat2 perkapalan atau penerbangan.

Mereka mesti-lah juga tahu menulis dalam bahasa Melayu dan Inggeris dan bertutur dalam kedua2 bahasa dengan lancar.

Gaji: — Dalam sukatan D.4 \$500x20 - 620. Gaji permulaan bergantung pada kelayakan dan pengalaman.

(b) TUKANG PANJAT (RIGGER).

Kelayakan2 dan Pengalaman:

Mesti-lah boleh memanjat tiang2 untuk menjalani kerja2 pemeriksaan dan kerja2 pembaikan, dan boleh mengikat alat2 kelengkapan pada tali2 dawai serta mengetahui berbagai2 alat kelengkapan pada tali2 dawai serta mengetahui berbagai2 alat tali temberang (mast stays).

Pengalaman dalam kerja mendirikan tiang2 yang

menggunakan tali temberang ada-lah satu keuntongan.

Gaji: — Dalam sukatan E.1 - 2 EB.3 \$200x10 - 270/EB/280x10 - 330. Gaji permulaan bergantung pada kelayakan2 dan pengalaman.

Sharat2 Lantekan:

Sechra berkontrek selama 3 tahun termasuk masa perchubaan selama 6 bulan yang pertama. Pembaharuan kontrek ia-lah dengan persetujuan bersama.

Baksis: Baksis sebanyak 12½% daripada gaji akan di-bayar bagi tiap2 bulan genap berkhidmat. Baksis tidak akan di-bayar jika berhenti atau di-buang kerja.

Butir2 mengenai tambang, chuti, dan lain2 boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei.

Permohonan2 yang mesti di-penohkan di-dalam borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, hendaklah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat dari 28 April, 1966.

MASHUARAT AGONG PERSATUAN PENGAKAP

BANDAR BRUNEI. — Mashuarat Agong Tahunan Persatuan Pengakap Daerah Brunei akan di-adakan di-Ibu Pejabat Persatuan Pengakap, Jalan Sinuai, Kawasan Kumbang Pasang, Pekan Brunei pada jam 5 petang hari Khamis 28 April.

Perkara tersebut telah dipersetujui dalam Mashuarat Jawatan Kuasa Persatuan Pengakap Daerah Brunei yang telah berlangsung di-Ibu Pejabat Pengakap tersebut baru2 ini.

SOKAN DAN OLAH-RAGA

oleh


Awang Md. Hussain Zainal

PERLAWANAN Sokan antara Sekolah2 Melayu atas anjoran Jabatan Pelajaran Negeri Brunei bagi Peringkat Daerah kerana memilih perwakilan telah di-jalankan pada minggu lalu di-Daerah masing2.

Peserta2 yang mendapat bilangan pertama dari tiap2 jenis perlumbaan pada tiap2 daerah akan mewakili daerah-nya masing2 masuk ka-perlawanan peringkat negeri yang akan di-langsungkan pada 8 Mei, 1966 bertempat di-padang SMJA, Bandar Brunei.

Perlawanan2 Peringkat Daerah yang telah berlangsung ada-lah seperti berikut:—

Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin telah memenangi sa-buah Perisai di-temasha Lumba Rentas Desa anjoran Persatuan Belia Bandar Brunei baru2 ini sebagai Pasokan yang banyak sekali menghantarkan wakil-nya untuk mengambil bahagian di-temasha Lumba Rentas Desa itu. Dalam gambar ini kelihatan Penolong Menteri Pos dan Kebajikan, Yang Berhormat Pengiran Haji Yusof bin Pengiran Mohamed Limbang menyampaikan perisai tersebut kepada sa-orang wakil Maktab S.O.A.S. di-majlis menyampaikan hadiah temasha tersebut.



- (1) PADA 11 APRIL, 1966: Perlindungan antara Sekolah2 Melayu Bahagian Brunei I, bertempat di-padang Sekolah Melayu SMJA, Bandar Brunei. Sa-banyak 5 buah Sekolah yang masuk bertanding. Ramai peserta 97 orang laki2 dan 57 orang perempuan, berjumlah 154 orang yang mengambil bahagian.

Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Awang Ali bin Awang Besar telah menerima barisan kehormatan dari pasokan2 yang mengambil bahagian sabagai pembukaan temasha sokan.

Apabila selesai sokan, hadiah2 rebutan di-sampaikan oleh Nadzir Kanan Sekolah2 Melayu Negeri Brunei, Awang Md. Daud bin Serudin kepada pasokan2 yang berjaya.

Keputusan perlawanan ada-lah seperti berikut:—

- (a) KUMPULAN LAKI2:

Pertama: Pasokan Sekolah Melayu SMJA mendapat 130 mata.

Kedua: Pasokan Sekolah

Melayu Lela Menchanai mendapat 104 mata.

Ketiga: Pasokan Sekolah Melayu Pintu Malim mendapat 42 mata.

- (b) KUMPULAN PEREMPUAN:
Pertama: Pasokan Sekolah Melayu SMJA mendapat 37 mata.

Kedua: Pasokan Sekolah Melayu RIF mendapat 32 mata.

Ketiga: Pasokan Sekolah Melayu Pintu Malim mendapat 21 mata.

- (c) CHAMPORAN MATA KEMENANGAN:

Pertama: Pasokan Sekolah Melayu SMJA mendapat 167 mata.

Kedua: Pasokan Sekolah Melayu Lela Menchanai mendapat 104 mata.

Ketiga: Pasokan Sekolah Melayu Pintu Malim mendapat 43 mata.

- (2) PADA 13 APRIL, 1966: Perlindungan antara Sekolah2 Melayu Bahagian Brunei II, bertempat di-Padang Sekolah Melayu Sengkuring. Sa-banyak 17 buah Sekolah yang masuk bertanding. Ramai peserta: 240 orang laki2 dan 130 orang perempuan, berjumlah 374 orang yang mengambil bahagian.

Wakil Jabatan Pelajaran Brunei ia-itu Penyusun Pendidikan Jasmani, Nadzir Kanan dan Nadzir Brunei II, menerima Barisan Kehormatan dari pasokan yang mengambil bahagian ia-itu sa-bagai pembukaan temasha sokan.

Apabila selesai sokan, hadiah2 rebutan telah di-sampaikan oleh Yang Berhormat Pengiran Damit bin Pengiran Sunggoh, Penolong Menteri Pertanian kepada pasokan2 yang berjaya.

Keputusan perlawanan ada-lah seperti berikut:—

- (a) KUMPULAN LAKI2:

Pertama: Pasokan Sekolah Melayu Muara mendapat 68 mata.

Kedua: Pasokan Sekolah Melayu Delima I mendapat 58 mata.

Ketiga: Pasokan Sekolah Melayu Sengkuring mendapat 57 mata.

- (b) KUMPULAN PEREMPUAN:

Pertama: Pasokan Sekolah Melayu Muara mendapat 37 mata.

Perkhemahan Pengakap Di-Muara

BANDAR BRUNEI. — Mashuarat Jawatan Kuasa Persekutuan Pengakap Daerah Brunei, dalam persidangan-nya baru2 ini telah bersetuju mengadakan Perkhemahan Pengakap Daerah Brunei di-pantai perangnya Muara selama tiga hari mulai pada hari Juma'at 22 April hingga ka-hari Ahad 24 April, 1966.

Di-antara achara2 yang akan di-adakan di-perkhemahan Pengakap tersebut ia-lah satu peraduan untuk memilih sa-buah Pasokan Pengakap yang akan mempersembahkan satu pertunjukan di-Temasha Perjumpaan Pandu2 Puteri di-Bandar Brunei pada penghujung bulan ini.

Kedua: Pasokan Sekolah Melayu Bunut mendapat 27 mata.
Ketiga: Pasokan Sekolah Melayu Delima I mendapat 22 mata.

- (c) CHAMPORAN MATA KEMENANGAN:

Pertama: Pasokan Sekolah Melayu Muara mendapat 105 mata.

Kedua: Pasokan Sekolah Melayu Delima I mendapat 80 mata.

Ketiga: Pasokan Sekolah Melayu Sengkuring mendapat 73 mata.

- 3) PADA 15 APRIL, 1966: Perlindungan antara Sekolah2 Melayu Bahagian Brunei III, bertempat di-padang Sekolah Melayu Pengkalan Batu. Sa-banyak 14 buah Sekolah yang masuk bertanding. Ramai peserta 187 orang laki2 dan 115 orang perempuan, berjumlah 302 orang yang mengambil bahagian.

Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Awang Ali bin Awang Besar telah menerima barisan kehormatan dari pasokan2 yang mengambil bahagian. Apabila selesai sokan, hadiah2 rebutan telah di-sampaikan oleh Nadzir Sekolah2 Melayu Bahagian Brunei III, Awang Md. Taha bin Abd. Rahman, kepada pasokan2 yang berjaya.

Keputusan perlawanan ada-lah seperti berikut:

- (a) KUMPULAN LAKI2:

Pertama: Pasokan Sekolah Melayu Pengkalan Batu mendapat 87 mata.

Kedua: Pasokan Sekolah Melayu Pulau Berbunut mendapat 72 mata.

Ketiga: Pasokan Sekolah Melayu Dato Gandhi mendapat 42 mata.

- (b) KUMPULAN PEREMPUAN:

Pertama: Pasokan Sekolah Melayu Pulau Berbunut mendapat 26 mata.

Kedua: Pasokan Sekolah Melayu Pengkalan Batu mendapat 24 mata.

Ketiga: Pasokan Sekolah Melayu Lumapas mendapat 11 mata.

(Bersambung)

Gambar ini di-ambil di-Padang K.B.R.C., Kuala Belait baru2 ini sa-belum di-langsungkan Perlindungan Bola Sepak di-antara Pasokan Kampong Sumbiling, Bandar Brunei dengan Pasokan Kelab Melayu Shell, Seria untuk memilih pasokan yang akan mewakili Negeri Brunei dalam perlawanan Bola Sepak Sambutan Usia 100 Tahun Pulau Labuan. Dalam perlawanan tersebut Pasokan Kelab Melayu Shell telah mengalahkan Pasokan Kampong Sumbiling dengan empat gol berbalas tiga.

MAJLIS PEMBEBASAN BEKAS ORANG2 TAHANAN

BUNUT. — Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama Brunei, Yang Amat Mulia Pengiran Muda Dato Paduka Kemaluddin, bagi pehak Kerajaan, telah memberikan ucapan2 nasehat kepada 15 orang, bekas orang2 tahanan di-Pusat Pemulehan Bunut pada petang hari Juma'at 15 April, 1966, ia-itu sa-hari sa-belum mereka di-bebaskan.

Sa-belum itu, istiadat mengangkat sumpah telah di-adakan.

Dalam ucapan beliau di-majlis itu, Yang Amat Mulia Pengiran Muda Dato Paduka Kemaluddin menegaskan bahawa pembebasan mereka itu dari tahanan bukan hanya mengembirakan diri mereka dan keluarga2 mereka, bahkan juga kepada Kerajaan dan Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan sendiri.

Yang Amat Mulia Pengiran Muda Dato Paduka Kemaluddin menyatakan, kita di-dunia ini memang-lah selalu berlaku beberapa kesilapan sama ada di-sadari atau tidak, tetapi apabila di-sadari dan menjadi kenyataan yang banyak merugikan diri sendiri, keluarga dan negara, maka kesilapan itu wajib-lah di-betulkan.

Beliau juga menyebut tentang beberapa ranchangan Kerajaan yang sedang dan telah berjaya di-jalankan dan mengharapakan sokongan yang tidak berbelah-bagi dari seluruh lapisan ra'ayat negeri ini.

Di-samping itu, beliau juga menyeru seluruh ra'ayat supaya berusaha dan tidak jemu2 dalam meninggikan taraf hidup yang lebih bernilai dan kemajuan negara yang tidak lagi mengharapakan bantuan dari luar.

MAJLIS PEMBUKAAN RASMI BALAI MUFAKAT KAMPONG BURONG PINGAI

KAMPONG BURONG PINGAI. — Satu majlis untuk merasmikan pembukaan Balai Muafakat, Kampong Burong Pingai, Kampong Ayer, Brunei akan di-adakan pada jam 4-30 petang hari Khamis 21 April,



Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama Brunei, Yang Amat Mulia Pengiran Muda Dato Paduka Kemaluddin kelihatan dalam gambar ini memberi ucapan di-majlis pembebasan 15 orang bekas orang2 tahanan di-Pusat Pemulehan Bunut pada petang hari Juma'at 15 April, 1966.

Pembukaan Rasmi Klinik Haiwan

(Dari Muka 1)

Sa-bagai tambahan kepada sa-buah bilek makmal, pembedahan dan sa-buah bilek perubatan, klinik itu juga mempunyai sa-buah tempat di-mana binatang2 ternakan dapat di-pereksa dan di-ubati.

Pegawai2 dari klinik2 tersebut akan juga meneruskan kerja melawat ka-Kampung2 untuk menentukan kesihatan binatang2 dan ternakan di-kawasan luar bandar.

Yang Berhormat Pengiran Damit telah meminta kepada orang ramai supaya membuat perhubungan dengan Pegawai2 Klinik Haiwan itu untuk memperoleh nasehat yang di-perlukan apabila mereka melawat ka-kampung2 mereka.

Sa-belum Yang Berhormat Pengiran Damit di-jemput untuk melafadzkan ucapan dan merasmikan pembukaan Klinik itu, satu ucapan telah di-lafadzkan oleh Awang Abdul Hamid bin Ja'afar, Pemangku Penulong Pegawai Haiwan, Brunei.

Turut hadir di-majlis tersebut ia-lah Pegawai Pertanian Negara, Awang Hamidoon bin Awang Damit dan beberapa orang Pegawai2 Kerajaan.

Jema'ah2 Haji Brunei Tiba Di-Labuan Pada 30 April

BANDAR BRUNEI.—Di-ma'alumkan kepada orang ramai bahawa kapal haji "Anshun" yang membawa jema'ah2 haji Brunei di-jangka akan tiba di-Pelabuhan Labuan dari Singapura pada hari Sabtu, 30 April, 1966 dan bukan-nya pada 28 April, 1966 sa-bagaimana yang di-jadualkan terdahulu.

Jabatan Hal-Ehwal Ugama Brunei berasa dukachita kerana tidak dapat melayani permintaan daripada keluarga jema'ah2 haji untuk menghantar dan menyambut jema'ah2 haji Brunei ka-Labuan disebabkan sa-suatu perkara yang tidak dapat di-atasi.

Peratoran2 yang di-nyatakan di-bawah ini akan di-jalankan semasa menyambut jema'ah2 haji Brunei:

Kawasan Tambatan Kastam Di-Raja akan di-tutup kepada orang-ramai dan akan di-jadikan sabagai 'Kawasan Larangan'. Orang-ramai hanya boleh di-benarkan masuk ka-dalam kawasan ini dengan syarat mereka mempunyai pass masuk. Bagi tiap2 sa-orang jema'ah haji hanya di-benarkan sa-orang sahaja kaum keluarga mereka di-berikan pass masuk. Kepada saudara-mara jema'ah haji yang ingin menyambut ketibaan jema'ah2 haji itu di-dalam kawasan Tambatan Kastam Di-Raja, mereka ada-lah di-pohonkan datang ka-Bahagian Urusan Haji, Pejabat Hal-Ehwal Ugama Brunei bagi mendapatkan pass masuk dari sekarang.

Bagi menjaga keselamatan bersama terutama sekali kepada jema'ah2 haji, maka ada-lah di-pohon kerjasama orang-ramai supaya perkara2 yang di-nyatakan di-bawah ini JANGAN di-lakukan:—

- (i) Menurunkan jema'ah2 haji sama kapal2 yang membawa jema'ah2 haji itu maseh berjalan. Perkara sa-umpama ini di-pandang akan mendatangkan merbahaya kepada jema'ah2 haji, pehak perkapalan dan mereka sendiri.
- (ii) Menurunkan jema'ah2 haji de-

Gambar ini di-ambil sa-lepas Penulong Menteri Kebajikan dan Pos, Yang Berhormat Pengiran Haji Yusof bin Pengiran Mohamed Limbang merasmikan pembukaan Balai Raya Amo, di-Daerah Temburong pada pagi hari Sabtu 16 April, 1966.

ngan tidak mengikut peratoran2 yang di-tentukan kerana perkara ini di-pandang akan mendatangkan merbahaya dan akan menimbulkan perkara2 yang tidak di-ingini.

- (iii) Masok bersembunyi2 ka-dalam kapal2 Kerajaan yang akan mengambil jema'ah2 haji ka-Labuan dengan tidak mempunyai surat izin atau pun passport. Perkara ini jika di-buat, ia bukan sahaja akan mendatangkan merbahaya kepada penumpang2 yang sah; tetapi ia juga melanggar undang2 perkapalan dan Imigresen.

PERADUAN CHERPEN

BANDAR BRUNEI. — Satu lagi Peraduan Mengarang Chermen akan di-adakan di-bawah anjoran Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei. Berita lanjut-nya akan di-siarkan dalam akhbar ini pada hari Rabu hadapan.

WARTAWAN "MAJALAH ASIA" MELAWAT BRUNEI

BANDAR BRUNEI. — Wartawan Gerald A. Delilkan, Pengarang "Majalah Asia" ("The Asia Magazine") dan Jurugambar Dick Baldovino dari majalah itu telah melawat ka-Negeri Brunei baru2 ini.

Pada masa lawatan tersebut, Wartawan Delilkan dan Jurugambar Dick Baldovino telah melawat ka-beberapa tempat. Mereka juga telah hadir di-Majlis Perjumpaan Mingguan Kelab Rotary Antara Bangsa, Brunei. Majlis itu di-Pengerusikan oleh Pemangku Yang Dipertua K.R.A.B., Brunei, Rotarian G. V. de Freitas.

Wartawan Delilkan telah memberikan satu cheramah berkenaan dengan Peranan Akhbar2 di-Tenggara Asia dan Perkhidmatan Wartawan2 kepada masyarakat.

Ibu Pejabat "Majalah Asia" itu ia-lah di-Hong Kong. Majalah itu di-chetak di-Tokyo, sa-bagai majalah mingguan tambahan kepada akhbar2 Manila Times, Sunday Times Malaysia, Japan Times, Hong Kong Tiger Standard, Morning Star Okinawa, China Post, Bangkok Post, Borneo Bulletin, Saigon Daily News dan Korea Times.

Tujuan lawatan mereka ka-Negeri Brunei ia-lah untuk membuat persediaan bagi menerbitkan sa-buah makalah mengenai negeri ini.

